



KENYATAAN TENDER

BAGI KERJA - KERJA KUTIPAN SAMPAH DOMESTIK DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

KDEB Waste Management Sdn Bhd., sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Selangor yang bertanggungjawab untuk melaksanakan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Negeri Selangor secara holistik.

Justeru, KDEB Waste Management mempelawa kontraktor - kontraktor yang masih sah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM Kod Bidang 221002 dan 221003) dan Sistem Tender Online Selangor 2.0 untuk membuat tawaran buat masa ini bagi kerja - kerja berikut:-

Bil	Nombor & Nama Tender Kerja - Kerja Kutipan Sampah Domestik di Kawasan Majlis Perbandaran Selayang
1	KDEBWM/MPS/D-01/03/2020: ZON KDS 15 Kutipan Sampah Domestik di seluruh Kg.Selayang Permai, Taman Jasa Perwira, Taman Selayang Mulia, Taman Selayang Mutiara, Kg. Bendahara, Taman Jasa Utama, Pusat Komersil Bandar Baru Selayang, Bandar Baru Selayang 2A & 2B, Taman Selayang Permata serta kawasan kedai-kedai/IKS dan sekitar seperti di dalam peta.

Tarikh Mula Kerja : 1/3/2020

Harga Dokumen Bagi Setiap Set : RM200

Tempoh Jualan Dokumen : 28 Januari 2020 (Selasa) & 29 Januari 2020 (Rabu) 9.00 am hingga 5.00 pm

Bilik Tender : A

Tarikh Tutup : 5 Februari 2020 (Rabu) sebelum jam 5.00 pm

Petender perlu melayari laman sesawang "www.kdebwm.com" untuk mendapatkan akses masuk ke dalam Sistem Tender Atas Talian (STAT) dan seterusnya membuat pilihan borang tender mengikut nombor dan nama tender seperti di atas. Slip pilihan tender perlu dicetak dan dibawa semasa membuat pembayaran.

Pembayaran bagi setiap set borang tender yang dibeli boleh menggunakan wang tunai yang disertakan dengan Slip Pilihan Tender, Salinan Sijil Pendaftaran KKM, Salinan SSM, Salinan Resit Pendaftaran Kontraktor Selangor yang masih sah dan akses bagi muat turun borang tender akan diberikan mengikut tempoh masa seperti yang telah ditetapkan. Borang tender yang telah siap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan ditulis dipenjuru atas sebelah kiri Nombor Tender dan Nama Zon (seperti tertera pada borang tender) dan dimasukkan ke dalam **BILIK TENDER "A"** di alamat berikut;

IBU PEJABAT KDEB WASTE MANAGEMENT SDN. BHD.

ARAS 10, MENARA SERBA DINAMIK,

LOT PRESINT 3.4, PERSIARAN PERBANDARAN, SEKSYEN 14, 40000 SHAH ALAM,

SELANGOR DARUL EHSAN

TEL : 03-5511 4344 / 013-914 1492

(U.P : EN AISAR BIN SUKRAN)

Nota: Sila pastikan semua maklumat syarikat dan dokumen sokongan yang dimuat naik telah dilengkapkan di dalam sistem tender atas talian "www.kdebwm.com". Borang tender yang telah lengkap perlu dihantar sebelum atau pada tarikh tutup dan masa yang telah ditetapkan seperti di atas bagi mengelakkan tender anda ditolak.